

Media Title : Utusan Malaysia
Headline : 1,537 kes tipu kerja babit rugi RM31.8 juta
Date : 2 May 2026
Section : Dalam Negeri
Page : 9



1,537 kes tipu kerja babit rugi RM31.8 juta

Oleh NURAINA
HANIS ABD. HALIM
hanis.halim@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 1,537 kes penipuan tawaran kerja sambil direkodkan dengan kerugian RM31.8 juta dalam tempoh tiga bulan sehingga Mac lalu melalui media sosial dan aplikasi mesej.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rusdi Mohd. Isa berkata, modus operandi sindiket menawarkan pekerjaan sambil (*jom scam*) dengan meminta wang pendahuluan.

Katanya, majikan atau syarikat sah tidak akan meminta wang yuran pendaftaran, latihan, deposit atau pembelian alatan sebelum memulakan kerja.

"Tawaran kerja yang hanya dibuat melalui WhatsApp atau Telegram oleh nombor tidak dikenali tanpa melalui saluran rasmi (e-mel korporat, portal

Berwaspada dengan tawaran terlalu lumayan kerana kerja mudah seperti like & follow media sosial tetapi menjanjikan gaji atau komisen tidak masuk akal tinggi adalah tanda amaran utama."

RUSDI MOHD. ISA

kerja) adalah mencurigakan.

"Jangan buat bayaran wang pendahuluan selain waspada dengan tawaran terlalu luma-

yan kerana kerja mudah seperti *like & follow* media sosial tetapi menjanjikan gaji atau komisen tidak masuk akal tinggi adalah tanda amaran utama," katanya dalam kenyataan semalam.

Orang ramai diingatkan membuat kajian latar belakang syarikat sebelum memohon dan jangan mudah kongsi maklumat peribadi sensitif seperti nombor akaun bank, salinan kad pengenalan atau kata laluan kepada perekrut tidak dikenali.

Katanya, cari pekerjaan melalui platform yang diiktiraf seperti *LinkedIn*, *Indeed*, *JobStreet* atau portal rasmi syarikat.

"Sindiket mengaburi mangsa dengan memberikan gaji dan komisen awal bagi beberapa kerja namun sebaliknya selepas anda serahkan wang yang lebih banyak.

"Justeru, rujuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau semak akaun bank atau nombor telefon scammer di Semakmule-PDRM," katanya.